

ECOCIN CREAM

Econazole nitrate/triamcinolone acetonide (1% w/w/0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ecocin
2. Bagaimana Ecocin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ecocin
4. Cara menggunakan Ecocin
5. Semasa menggunakan Ecocin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ecocin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ecocin

Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulat dengan keadaan keradangan atau alahan kulit.

Bagaimana Ecocin berfungsi

Ecocin membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan dan mengurangkan keradangan akibat daripada jangkitan.

Sebelum menggunakan Ecocin

- Bila tidak boleh menggunakan

- jika ada alahan terhadap econazole nitrate dan triamcinolone acetonide, atau ramuan-ramuan lain Ecocin.
- tidak disyorkan untuk jangkitan kulat sistemik, jangkitan akut termasuk penyakit campak dan ulcer akibat jangkitan herpes simpleks mata dan vaksinasi dengan vaksin hidup.
- penggunaan berlebihan dan berpanjangan semasa kehamilan perlu dielakkan.

- Sebelum mula menggunakan

Jangan guna ubat pada atau berhampiran mata. Jangan pakai pembalut luka di atas ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor. Keselamatan penggunaan semasa kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi. Jadi, sila beritahu doktor jika hamil atau menyusukan anak. Penggunaan di kalangan kanak-kanak untuk jangka masa lebih daripada 2 minggu perlu dinilai dengan teliti oleh doktor. Berhati-hati apabila digunakan pada pesakit dengan tuberkulosis kulit dan ibu yang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Ecocin

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada bahagian kulit berkenaan. Dewasa - dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor. Kanak-kanak – sekali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja teringat. Selepas itu, gunakan semula mengikut jadual biasa anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Ecocin

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan bertambah nyata dengan penggunaan balutan luka. Kemerahan, kesakitan dan sensasi bakar mungkin berlaku. Penggunaan berlanjutan boleh mengakibatkan muka bengkak, kulit nipis berlebam, pertumbuhan rambut muka, rambut gugur dan kewujudan calar merah-ungu pada tangan, kaki, badan dan celah paha. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Ecocin

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: econazole nitrate dan triamcinolone acetonide.
- Bahan tidak aktif: macrogol 400, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, citric acid, liquid paraffin, medium chain triglycerides, chlorocresol, sodium citrate, disodium edetate, pewangi limau dan air.

- Nombor MAL:

MAL19900188AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/06/2017

Nombor siri

BPK(R4/1)070417/00062